

FARAH IZZATI BERI EMAS PERTAMA MALAYSIA

ZURAIMEE ZAINAL

MELAPORKAN DARI AUG
SURABAYA-MALANG 2024,
INDONESIA



ATLET judo negara, Nur Farah Izzati Wallah menghadiahkan emas pertama buat kontingen Malaysia di Sukan Universiti ASEAN (AUG) Surabaya-Malang 2024 pada Rabu.

Atlet dari Universiti Putra Malaysia (UPM) kelahiran Perak itu merangkul pingat tersebut setelah menewaskan atlet Indonesia, Maryam March Maharani dalam acara bawah 52 kilogram (kg).

Kemenangan yang diraih Farah Izzati di Pusat Konvensyen Airlangga, Universitas Airlangga itu hadir setelah penyertaan pesaing berusia 23 tahun itu dibatalkan.

Penyertaan Maharani dibatalkan setelah pengadil mendapati atlet ke Sukan Olimpik Paris 2024 itu membawa masuk objek yang tidak dibenarkan ke dalam

gelanggang semasa perlawanan akhir sedang berlangsung.

"Alhamdulillah emas pertama untuk saya pada penampilan pertama di AUG. Semasa perlawanan mungkin dia terlupa ada airpods dalam poket bajunya dan penyertaan dibatalkan kerana dianggap cuai."

"Sejujurnya saya memang takut sebelum perlawanan, namun saya tekad melakukan yang terbaik. Sekiranya penyertaan dia tidak dibatalkan saya juga akan buat bersungguh-sungguh," katanya.

Kemenangan itu juga membolehkan Farrah Izzati menerima insentif pingat emas RM3,000 pada temasya AUG kali ini.

"Sebelum ke AUG 2024, kereta saya rosak semasa perjalanan ke tempat latihan, itu pun sudah separuh jalan. Jadi mungkin ada hikmahlah selama ini," katanya.

FARAH IZZATI



**SUKAN UNIVERSITI ASEAN
SURABAYA-MALANG 2024**

KEDUDUKAN PINGAT

NEGARA	E	P	G	J
1. Indonesia	10	4	3	17
2. MALAYSIA	3	2	2	7
3. Thailand	0	3	2	5
4. Singapura	0	3	2	5
5. Kemboja	0	1	0	1
6. Vietnam	0	0	1	1
7. Brunei	0	0	0	0
8. Laos	0	0	0	0
9. Myanmar	0	0	0	0
10. Timor Leste	0	0	0	0
11. Filipina	0	0	0	0

* Kutipan pingat setakat jam 7 malam Rabu